

Kurangkan B.H 17 JUL 1989 pergeseran: Mahathir

KUALA LUMPUR, Ahad — Sektor awam, swasta dan majikan-pekerja dikehendaki berusaha mengurangkan pergeseran bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara yang lebih pesat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pergeseran yang berterusan hanya akan merugikan negara dan rakyat.

“Pergeseran tidak akan menguntungkan sesiapa, sebaliknya ia hanya mendatangkan kerugian yang besar. Oleh itu, amalan ini hendaklah dihentikan,” tegasnya.

Berucap di majlis makan malam Sukan Persyarikatan Malaysia 1989, di sini, malam tadi, beliau berkata sektor awam dan swasta serta majikan-pekerja perlu bekerjasama untuk kepentingan semua.

Malah, sektor awam perlu memberi galakan penuh kepada pihak swasta supaya pendapatan kerajaan bertambah dan dengan itu, dapat membahagikannya bagi keperluan awam.

“Kerajaan mempunyai 35 pe-

ratus saham dalam setiap kegiatan sektor swasta dan sudah tentu kejayaan sektor berkenaan akan menambahkan lagi kewangan negara. Secara tidak langsung, faedah itu turut dinikmati oleh seluruh rakyat,” katanya.

Sambil menyifatkan sebahagian besar kejayaan ekonomi negara adalah sumbangan kerjasama sektor berkenaan. Perdana Menteri berharap dasar persyarikatan terus mendapat sambutan menggalakkan.

Katanya, walaupun pada mulanya dasar itu tidak begitu dipersetujui, ia kini sudah difahami dan menerima sokongan.

Sementara itu, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sallehudin Mohamed, berkata perasaan gerun dan tidak percaya di antara sektor swasta dan awam pada masa lalu semakin berkurangan.

“Bahkan sekarang, terjalin hubungan yang erat, khususnya melalui semangat kesukanan dan diharapkan tiada jurang pemisah lagi pada masa akan datang,” katanya.